

Headline	UMK laksana projek keusahawanan inovasi		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	16 Jun 2016	Circulation	125,514
Section	Varsiti	Readership	947,000
Page No	V6	ArticleSize	405 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,961
Journalist	Faizatul Farhana Farush Khan	PR Value	RM 41,882
Frequency	Daily		



UMK laksana projek keusahawanan inovasi

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**

ffarhana@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Projek Pilot Program Perdana 3+1 yang dilaksanakan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sejak September tahun lalu berjaya membangunkan 16 produk kreatif dan inovatif dalam tempoh lapan bulan.

Pegawai Fokal projek itu, Prof Madya Dr

Ahamad Tarmizi Azizan, berkata produk terbabit dihasilkan oleh 29 pelajar dalam bidang Seni Digital dan Multimedia, Reka Bentuk Komunikasi Visual serta Reka Bentuk Perindustrian bawah

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).

“UMK menjalankan projek ini bagi sesi September 2016/2017 bertujuan melahirkan pelajar memiliki nilai sumber manusia berkualiti yang menepati kehendak industri dan kebolehpasaran graduan,” katanya.

Dinilai panel

Dr Ahamad Tarmizi yang juga Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) FTKW berkata, pelaksanaan projek dengan kerjasama 12 syarikat dan agensi kerajaan sebagai rakan strategik

itu menyaksikan pelajar ditempatkan bersama industri di sekitar Lembah Klang selama setahun.

Pada akhir projek, katanya, Seminar Program Perdana 3+1 serta Pameran Program dan Hari Penilaian 2016 diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), baru-baru ini, bagi memperam hasil projek dibangunkan.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof Dr Mohd Hassan Mohd Osman.

Beliau berkata, acara

selama dua hari itu turut menyaksikan tahap pencapaian kualiti penyeleksian dan pembangunan produk oleh pelajar dinilai panel industri, moderator industri serta penilai akademik yang dilantik UMK.

Penanda aras

“Projek bawah saranan Kementerian Pendidikan Tinggi ini memberikan pelajar peluang untuk memperoleh kemahiran, ilmu teori dan praktikal, serta pengetahuan dalam bidang keusahawanan, sekali gus menjana graduan berkebolehan tinggi,” katanya.

Headline	UMK laksana projek keusahawanan inovasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	405 cm ²
Journalist	Faizatul Farhana Farush Khan	AdValue	RM 13,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,882

Fakta nombor

Projek Pilot Program Perdana 3+1

16 PRODUK
dibangunkan

29 PELAJAR
terbabit

12 RAKAN
strategik terdiri daripada syarikat dan agensi kerajaan



UMK menjalankan projek ini bagi sesi September 2016/2017 bertujuan melahirkan pelajar memiliki nilai sumber manusia berkualiti yang menepati kehendak industri dan kebolehpasaran graduan”

Prof Madya Dr Ahamad Tarmizi Azizan,
Pegawai Fokal Projek Pilot Program Perdana 3+1

Headline	UMK laksana projek keusahawanan inovasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	405 cm ²
Journalist	Faizatul Farhana Farush Khan	AdValue	RM 13,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,882



Prof Mohd Hassan
 (dua dari kanan)
 diiringi Dr Ahamad
 Tarmizi (kanan)
 meninjau gerai
 pameran pelajar pada
 Pameran Program
 dan Hari Penilaian
 2016 bersempena
 dengan Projek Pilot
 Program Perdana
 3+1 di FRIM.